

BAB 4

GARIS PANDUAN PENYIARAN GAMBAR

4.1 PENGENALAN

Garis Panduan Penyiaran Gambar dalam Akhbar dan Majalah ini disediakan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah rujukan bagi membantu Jawatankuasa Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan dalam menentukan kesesuaian gambar sesebuah penerbitan supaya tidak menyimpang daripada maksud sebenar isi kandungan. Selain daripada itu, ia juga dapat memberi kesahaman dan penjelasan kepada penulis, penerbit, pencetak dan pengedar mengenai aspek-aspek yang diambilkira oleh Jawatankuasa Penapisan dalam menapis sesebuah bahan penerbitan.

Garis panduan seperti di atas juga dikenakan ke atas iklan siri-siri komik dan iklan-iklan wayang gambar yang disiarkan di dalam akhbar dan majalah-majalah. Bagi iklan-iklan ubat, keluluskan perlu diperoleh dari oleh Kementerian Kesihatan. Tiap-tiap iklan ubat yang hendak disiarkan di dalam akhbar dan majalah hendaklah disertai dengan nombor kad rujukan kelulusan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan. Penerbit-penerbit adalah dinasihatı supaya mendapatkan salinan surat kelulusan tersebut daripada syarikat yang mengiklankan.

Mengenai iklan-iklan rokok, seperti yang telah sedia maklum semua jenis iklan rokok mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Iklan Rokok sebelum boleh disiarkan. Walau bagaimanapun, mulai tahun ini, iklan rokok tidak lagi dibenarkan penyiarannya. Cuma iklan yang telah diluluskan sahaja boleh disiarkan di dalam akhbar dan majalah.

4.2 SENARAI GARIS PANDUAN PENYIARAN GAMBAR

Berikut adalah senarai garis panduan penyiaran gambar yang disediakan oleh KDN dan diberikan kepada pemohon permit penerbitan. Segala panduan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi oleh penerbit dan pencetak (Dokumen KDN:2001).

- a. Gambar-gambar lelaki dan wanita yang berbogel;
- b. Gambar-gambar lelaki yang memakai 'G' –String sahaja;
- c. Gambar-gambar wanita yang menunjukkan buah dada atau memakai baju tetapi sebahagian buah dadanya terbuka;
- d. Gambar-gambar wanita yang memakai seluar dalam dan coli sahaja;
- e. Gambar-gambar wanita yang memakai pakaian yang jarang atau diperbuat daripada kain lace atau berlubang (see through) yang mana bahagian-bahagian tertentunya masih boleh dilihat dengan jelas;
- f. Gambar wanita yang hampir bogel yang dihitamkan bahagian-bahagian tertentu tetapi masih jelas kelihatan pos-pos yang menghairahkan ;

- g. Iklan pakaian-pakaian dalam seperti coli dan seluar dalam yang dipakai oleh model-model atau dipakaikan pada patung-patung (Jenama pakaian secara bersendirian sahaja boleh diiklankan);
- h. Iklan-iklan yang menyiaran gambar-gambar Ka'abah atau masjid sebagai latar belakang.
- i. Iklan-iklan alat-alat pencegah kehamilan (Contraceptive);
- j. Gambar-gambar udara (kecuali dengan kebenaran Jabatan Pemetaan);
- k. Gambar-gambar ruang dalam semua ‘Protected Places’ dan ‘Protected Areas’ di bawah Ordinan 33/59;
- l. Gambar-gambar ruang di dalam semua ‘Protected Places’ di bawah Akta 88/72;
- m. Gambar-gambar ngeri kejadian yang benar-benar berlaku (seperti wajah dekat seseorang berlumuran darah atau seseorang tanpa kepala akibat kemalangan);

4.3 HURAIAN GARIS PANDUAN PENYIARAN GAMBAR

Merujuk kepada perkara-perkara a hingga m (di atas) dalam garis panduan penyiaran gambar oleh KDN, jelas sekali bahawa telah wujud satu garis panduan penyiaran gambar khususnya untuk penerbitan media cetak di negara ini. Dalam garis panduan tersebut, perkara a ada menyebut tentang larangan penyiaran gambar-gambar lelaki dan wanita yang berbogel. Larangan tersebut diletakkan sebagai perkara utama yang dilarang kerana ia bertentangan dengan nilai moral.

Perkara a hingga g, hampir kesemuanya menyentuh mengenai larangan penyiaran gambar lelaki dan wanita dalam aksi bogel dan menghairahkan.

Turut termaktub dalam garis panduan itu adalah penyiaran gambar wanita yang memaparkan sebahagian besar payudaranya, gambar wanita yang berpakaian nipis dan jarang sehingga menampakkan bahagian sulit anggota badannya seperti puting payudara, gambar wanita berpakaian mandi yang menampakkan sebahagian besar tubuh badannya, gambar wanita berpakaian seksi dengan memberi pose yang menghairahkan atau tidak sopan (contohnya; dalam keadaan kakinya terbuka luas sehingga menampakkan seluar dalam, atau membongkokkan badan untuk menampakkan sebeberapa besar payudaranya.)

Gambar lelaki dengan perempuan, atau lelaki dengan lelaki, perempuan dengan perempuan dalam aksi yang membawa maksud kepada perhubungan jenis juga dilarang keras selain gambar lelaki berpakaian seluar mandi.

Perkara lain yang termasuk dalam larangan di atas juga adalah penyiaran ilustrasi (gambar, lukisan, lakaran dan seumpamanya) wajah Nabi Muhammmad s.a.w., empat Khulafak Rasyidin serta isteri-isteri para Nabi dan Rasul. Penyiaran gambar-gambar kemalangan ngeri yang dahsyat seperti mangsa putus kepala, tubuh yang berlumuran darah dan sebagainya adalah dilarang. Ilustrasi perkara-perkara Samiyat dan ghaibiyyat seperti mayat yang mengalami seksa kubur dan yang mengisahkan keadaan di Syurga dan Neraka mengikut ajaran Islam juga dilarang.

4.4 PROSES KAWALAN PENERBITAN

Proses kawalan penerbitan yang dijalankan oleh Unit Kawalan Penerbitan, KDN bermula daripada penerimaan permohonan untuk Permit Penerbitan dan Lesen Mesin Cetak (Temubual dengan Encik Tan You Huat, 12 Julai 2001, Putrajaya)

Individu yang ingin menerbitkan sesebuah bahan penerbitan terlebih dahulu perlu memohon Permit Penerbitan. Begitu juga dengan pemohon Lesen Mesin Cetak. Seterusnya, borang permohonan akan diproses. Permit Penerbitan dan Lesen Mesin Cetak akan diberi berserta dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh KDN. Setelah mendapat kelulusan permit penerbitan dan lesen mesin cetak, barulah bahan penerbitan dapat dikeluarkan.

Setelah itu, bahan penerbitan akan melalui proses kawalan. Proses kawalan meliputi pemeriksaan penerbitan diimport, naskah permit, premis dan penerbitan dirujuk. Pegawai Penerbitan akan menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis penerbitan dan membuat kajian untuk memastikan pemilik atau penerbit mematuhi syarat-syarat Permit Penerbitan dan Lesen Mesin Cetak. Sekiranya didapati wujud pelanggaran undang-undang, maka KDN membuat keputusan untuk mengambil tindakan mengikut kesalahan.

4.4.1 Syarat-syarat Lesen Mesin Cetak

- a) Lesen ini hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di premis di mana mesin cetak disimpan atau digunakan;
- b) Alamat di mana mesin cetak disimpan atau digunakan hendaklah tidak ditukarkan melainkan kelulusan Menteri didapati;

- c) Pemegang lesen bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua bahan-bahan yang dicetak olehnya;
- d) Mesin Cetak hendaklah tidak digunakan untuk mencetak apa-apa penerbitan yang memudaratkan atau yang mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing, atau yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara;
- e) Lesen ini hendaklah tidak, dengan apa-apa cara, dipindah, diserah hak atau selainnya diletakkan di bawah kawalan mana-mana orang lain dari pemegang lesen tanpa kebenaran terdahulu Menteri;
- f) (i) Di mana pemegang lesen adalah suatu perkongsian, tiada mana-mana pekongsi pun boleh ditukarkan tanpa persetujuan terdahulu Menteri;
(ii) Di mana pemegang lesen adalah sebuah syarikat, tiada mana-mana pengarah pun boleh ditukarkan tanpa persetujuan terdahulu Menteri;
- g) Pemegang lesen dikehendaki untuk mematuhi dan tidak melanggar apa-apa arahan dari semasa ke semasa dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri;
- h) Syarat-syarat lesen ini boleh dipinda pada bila-bila masa melalui pemberitahuan secara bertulis oleh Menteri Dalam Negeri kepada pemegang lesen.

4.4.2 Syarat-syarat tambahan Permit Penerbitan Kementerian Dalam Negeri

- a) Format atau bentuk akhbar ini hendaklah mengikut contoh seperti yang telah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan dahulu;
- b) Skop atau isi kandungan akhbar ini adalah terhad kepada skop atau isi kandungan seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan;
- c) Permit ini boleh dibatalkan atau digantung jika didapati bahawa:
 - (i) akhbar ini menerbitkan bahan-bahan, foto atau lain-lain yang boleh memudarangkan ketenteraman awam, keselamatan, akhlak, menjelaskan hubungan berbaik-baik di antara negara ini dengan negara asing ataupun bertentangan dengan kepentingan negara dan kepentingan awam;
 - (ii) akhbar ini dengan apa-apa cara juga telah menyalahnyatakan fakta-fakta berhubung dengan kejadian-kejadian terhadap ketenteraman awam dan keselamatan di dalam Malaysia;
 - (iii) akhbar ini melaporkan kejadian-kejadian dengan cara yang mungkin mengapikan atau membangkitkan permusuhan kaum;
 - (iv) pemegang permit ini boleh membuat perubahan mengenai ahli-ahli sidang pengarang, pengarah-pengarah dan hak milik akhbar ini tanpa mendapat kelulusan Kementerian ini terlebih dahulu.
- d) Pengeluaran permit ini tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini dan syarat-syarat serta arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian ini dari masa ke semasa.

4.4.3 Syarat-syarat Permit

- a) Nombor permit hendaklah dicetak sebaik sahaja di bawah tajuk akhbar.
- b) Lapan salinan tiap-tiap keluaran dan edisi akhbar hendaklah dihantarkan kepada Kementerian Dalam Negeri selepas sahaja ia dicetak.
- c) Sebahagian besar kandungan akhbar hendaklah dihadkan kepada hal ehwal Malaysia.
- d) Format akhbar hendaklah mematuhi contoh/ “mockup” yang telah diserahkan bersama dengan permohonan bagi permit ini.
- e) Bidang dan kandungan akhbar hendaklah dihadkan kepada yang dinyatakan dalam permit ini.
- f) Akhbar itu hendaklah tidak menerbitkan apa-apa bahan, fotograf, artikel atau perkara lain yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan negara atau Kerajaan asing, atau yang mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau selainnya memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.
- g) Akhbar itu hendaklah tidak dengan apa-apa cara salah nyata fakta-fakta berhubung dengan kejadian-kejadian ketenteraman awam dan keselamatan yang berlaku di Malaysia.
- h) Permit ini hendaklah tidak tanpa persetujuan terdahulu Menteri dengan apa-apa cara dipindah, diserah hak atau selainnya diletakkan di bawah kawalan mana-mana orang yang lain daripada pemegang permit.
- i) (I) Di mana pemegang permit adalah suatu perkongsian, tiada mana-mana

pe Kongsi pun boleh ditukar tanpa persetujuan terdahulu Menteri.

- (ii) Di mana pemegang permit adalah sebuah syarikat, tiada mana-mana pengarah pun boleh ditukarkan tanpa persetujuan terdahulu Menteri.
- j) Pemegang permit itu hendaklah memberitahu Kementerian Dalam Negeri mengenai mana-mana pertukaran anggota-anggota Lembaga Pengarah atau apa-apa perubahan dalam pemegangan syarikat itu yang melibatkan kuasa mengarah pengurusan dan dasar syarikat itu.
- k) Pemegang permit dikehendaki untuk mematuhi dan tidak melanggar apa-apa arahan dari semasa ke semasa dikeluarkan oleh Menteri Dalam Negeri.
- l) Syarat-syarat permit ini boleh dipinda pada bila-bila masa melalui pemberitahuan secara bertulis oleh Menteri Dalam Negeri kepada pemegang permit.

4.4.4 Pegawai-pegawai yang diberikan kuasa

Pegawai-Pegawai yang diberikan kuasa adalah seperti berikut:

Pegawai Kanan berkuasa iaitu;

- i) Mana-mana pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pengguna
- ii) Mana-mana Pegawai Kastam berpangkat tidak rendah daripada Pengguna
- iii) Mana-mana pegawai Jabatan Perkhidmatan Pos Berpangkat tidak rendah daripada Pegawai Kanan Pos
- iv) Mana-mana pegawai awam lain yang ditetapkan oleh Menteri sebagai

pegawai Kanan Berkuasa bagi maksud Akta ini.

4.4.5 Pegawai Berkuasa

Pegawai-pegawai berkuasa adalah seperti berikut:

- i) Mana-mana pegawai polis, seorang pegawai Kastam, pegawai Jabatan Perkhidmatan Pos dan mana-mana pegawai awam lain yang ditetapkan oleh Menteri sebagai Pegawai Berkuasa bagi maksud Akta ini.

Kuasa-kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai di Bahagian Kawalan Penerbitan adalah terhad dan tidak merangkumi kuasa untuk pendakwaan.

4.4.6 Bahan-bahan yang dikehendaki diberi perhatian semasa memeriksa penerbitan-penerbitan dari luar negara.

Bahan-bahan berikut adalah termasuk di bawah kategori penerbitan (Dokumen KDN:2001)

- a) Buku
- b) Akhbar/ majalah/ risalah
- c) Kalender
- d) Poster/iklan
- e) Gambar ukiran
- f) Pita rakaman
- g) Rekod
- h) Pelekat

- i) Bookmakers
- j) Katalog
- k) File/Video
- l) Lain-lain bahan cetak

4.4.7 Bahan-bahan yang dikehendaki diberi perhatian

- a) Nama penuh penerbit
- b) Pastikan tidak ada isi kandungan yang boleh memudaratkan keselamatan negara/ketenteraman awam/kemoralan dan boleh menjasakan perpaduan awam serta imej Malaysia
- c) Pastikan fakta-fakta berhubung dengan kejadian terhadap ketenteraman awam di dalam negara ini tidak disalahnyatakan dengan apa-apa cara juar
- d) Kejadian-kejadian yang berlaku dalam negara tidak diperihalkan dengan cara yang mungkin mengapikan atau membangkitkan permusuhan kaum
- e) Pastikan tidak ada bahan, foto atau perkara yang mendatangkan atau mungkin mendatangkan mudarat kepada negara ini dicetak

4.4.8 Bahan-bahan yang dikehendaki diberi perhatian semasa memeriksa penerbitan-penerbitan tempatan

Semasa membuat kajian perhatian hendaklah diberi kepada:

- a) No. permit (majalah berkala) yang sah bagi tahun berkenaan digunakan serta dicatit di kulit hadapan digunakan serta dicatit di kulit hadapan di bawah tajuk akhbar/majalah

- b) Nama penerbitan dan pencetak berserta dengan alamat yang lengkap dinyatakan di kulit hadapan atau belakang akhbar/majalah berkenaan.
- c) Isi kandungan tidak bertentangan dengan syarat-syarat permit (bagi majalah berkala) dan garis panduan yang dikeluarkan kepada penerbit dari masa ke semasa. Pastikan tidak ada bahan-bahan yang boleh memudaratkan keselamatan negara, memecahbelahkan perpaduan rakyat dan tidak memudaratkan moral.
- d) Fakta-fakta berhubung kejadian terhadap ketenteraman awam di Kuala Lumpur dan di lain-lain tempat di Malaysia tidak boleh disalahnyatakan dengan apa-apa cara juga pun
- e) Kejadian-kejadian yang berlaku tidak boleh diperihalkan dengan cara yang mungkin mengapi-apikan atau membangkitkan permusuhan perkauman.
- f) Tiada apa-apa bahan, foto atau perkara yang mendatangkan atau mungkin mendatangkan mudarat kepada ketenteraman awam atau keselamatan negara boleh dicetak atau diterbitkan.
- g) Sebahagian besar daripada bahan-bahan yang diterbitkan hendaklah kena mengena dengan hal ehwal Malaysia

4.4.9 Bahan-bahan yang dikehendaki diberi perhatian semasa memeriksa akhbar

Seseorang Pemeriksa itu patutlah sedar akan struktur masyarakat berbilang kaum di negara ini, adat resam dan kehendak-kehendak sosial dan moral mereka, latar

belakang sesuatu kaum atau agama, keadaan jenayah di negeri ini, keadaan politik negeri ini, dasar-dasar dalam dan luar negeri ini dan ekonomi negara. Untuk menjalankan kerjanya dengan sempurna, ia mestilah seorang yang banyak membaca, bersifat bertanggungjawab, jujur, berupaya menganalisa (mengupas) dan mudah mengerti.

Perkara utama yang mesti difikirkan apabila seseorang Pemeriksa itu mengkaji sesuatu bahan/berita yang disiarkan ialah kesannya ke atas pembaca dan reaksi orang ramai. Sesuatu berita yang pada mula disiarkan tidak menimbulkan kemudaratian tetapi jika disiarkan berturut-turut dan diberi publisiti meluas oleh akhbar boleh menjadi isu yang menarik perhatian umum. Jika tidak dikawal atau diberi perhatian segera ia boleh menimbulkan keadaan-keadaan yang tidak menyenangkan atau tidak sihat.

Ada berita-berita yang dengan jelasnya sensitif dan menyentuh mana-mana kaum perlulah diambil tindakan segera, menarik perhatian pihak-pihak berkuasa tertentu dan akhbar berkenaan bagi mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini. Berita-berita/bahan-bahan-bahan asing yang diambil dan disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan hendaklah diteliti kesesuaianya dengan dasar-dasar negara atau menyentuh kaum-kaum di negara ini.

4.5 DEFINISI AKHBAR

Merujuk sumber dokumen Unit Kawalan Penerbitan, KDN, berikut adalah definisi mengenai akhbar, penerbitan, rakaman suara, hasil penerbitan larangan

dan hasil penerbitan tak dingini. Penjelasan mengenai definisi perkara di atas adalah sangat penting dan perlu diketahui kerana perkataan-perkataan itu ada tersebut dalam peruntukan undang-undang mengikut Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (pindaan 1987).

4.5.1 ‘Akhbar’

‘Akhbar’ ertinya apa-apa hasil penerbitan yang mengandungi berita, penerangan, laporan kejadian atau apa-apa pendapat, pemerhatian atau ulasan, berhubung dengan apa-apa berita, penerangan atau kejadian atau dengan apa-apa perkara lain, yang menarik minat orang ramai, atau apa-apa majalah, komik atau bentuk majalah berkala lain yang dicetak dalam apa-apa bahasa untuk dijual atau diedarkan dengan percuma pada lat-lat tempoh yang kerap atau tak kerap, tetapi tidaklah termasuk apa-apa hasil penerbitan yang diterbitkan oleh kerajaan Persekutuan atau mana-mana kerajaan Negeri atau Kerajaan Singapura.

4.5.2 ‘Penerbitan’ termasuklah:

- a) dokumen, akhbar, buku dan majalah berkala
- b) semua bahan bertulis atau bercetak dan segala-galanya sama ada sifatnya yang serupa dengan bahan bertulis atau bercetak atau tidak mengandungi apa-apa gambaran yang boleh dilihat.
- c) Apa-apa jua yang mengikut rupa, bentuknya atau dengan apa jua cara boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea
- d) Rakaman suara

4.5.3 Dokumen

Ertinya apa-apa kertas, kad atau lain-lain bahan atau benda yang padanya ada dicetak, ditaip, ditulis atau ditandakan, huruf, angka, tanda, majalah bergambar atau apa-apa gambaran lain yang boleh dilihat dan termasuklah akhbar, buku dan risalah .

4.5.4 Rakaman suara

Ertinya apa-apa bahan yang padanya direkodkan suara manusia atau muzik instrumental atau lain-lain bunyi dan termasuklah piring hitam, pita dan ceper laser.

4.5.5 Hasil Penerbitan Larangan

Ertinya apa-apa hasil penerbitan yang telah dilarang di bawah subseksyen (1) seksyen 7 dan termasuk apa-apa salinan, penghasilan semula, cabutan atau apa-apa terjemahan, ringkasan karangan atau penafsiran. Termasuk perkara-perkara yang dilarang dalam penerbitan (perkara a-g dalam panduan penyiaran gambar dan iklan).

4.5.6 Hasil Penerbitan Tak Dingini

Perkara-perkara yang ‘memudaratkan atau yang mungkin memudaratkan kepentingan awam, kemoralan, keselamatan, perhubungan dengan mana-mana negara atau kerajaan asing atau yang berlawanan atau mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang atau selainnya memudaratkan atau mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara’.

Di bawah seksyen 7 (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

(pindaan 1987), terdapat tujuh unsur-unsur yang dilarang disiarkan, iaitu:

- a) memudaratkan ketenteraman awam
- b) memudaratkan kemoralan
- c) memudaratkan keselamatan
- d) menggemparkan fikiran rakyat
- e) berlawanan dengan mana-mana undang-undang
- f) memudaratkan kepentingan awam
- g) memudaratkan kepentingan negara

Mana-mana penerbitan yang mempunyai unsur-unsur seperti tersebut di atas, maka ia disebut sebagai ‘hasil penerbitan tak diingini’.

Berikut adalah huraian terperinci mengenai ‘Hasil Penerbitan Tak Diingini’.

a) Hasil penerbitan yang memudaratkan ketenteraman awam

Yang mengandungi sesuatu unsur mengganas terhadap orang atau harta dan pencabulan hak menjalani kehidupan sehari-hari yang aman berharmoni, dan mengamalkan kepercayaan beragama antara semua kaum di negara ini, atau pencabulan terhadap sesuatu perintah yang sah di sisi undang-undang atau melakukan sesuatu tindakan dan perlakuan yang membawa kepada pecah keamanan, menggalakkan perasaan niat jahat, menghasut untuk menimbulkan perseteruan, permusuhan, prasangka buruk terhadap orang atau kaum lain, kebencian, dan berpecah belah. Contohnya

menghasut Pertubuhan Bukan Kerajaan atau Kesatuan Sekerja melakukan tindakan mogok atau demonstrasi haram tanpa alasan yang munasabah.

Penyebaran ajaran-ajaran salah, fanatik atau kritikan dan celaan keterlaluan terhadap sesuatu agama dan agama Islam sebagai agama rasmi negara Malaysia, contohnya ajaran salah Kumpulan Al Arqam dan Kumpulan Al Maunah.

b) Hasil Penerbitan Yang Memudaratkan Kemoralan

Yang mengandungi apa-apa juga perkara yang mengikut rupa bentuk dan perlakuan atau dengan apa cara boleh membayangkan kata-kata atau idea-idea yang lucu, menghairahkan atau selainnya yang bertentangan dengan pegangan agama, kesopanan awam, kemurnian akhlak dan tata susila masyarakat setempat.

c) Hasil Penerbitan Yang Memudaratkan Keselamatan

Yang mengandungi sesuatu perkara yang boleh membangkitkan keganasan, keingkaran kepada undang-undang negara yang sah, atau menghasut rasa tidak puas hati terhadap kerajaan yang sah, atau menghasut pendurhakaan kepada kedaulatan dan institusi beraja di Malaysia, atau yang menentang semangat rukun negara. Juga yang menimbulkan perkara-perkara sensitif termasuklah yang mengenai hak, status, kedudukan, keistimewaan yang telah dipelihara dan termaktub di bawah Fasal-fasal Tiga (3) Perlembagaan Persekutuan termasuklah Fasal-fasal 152, 153, atau 181 Perlembagaan Persekutuan.

d) Hasil Penerbitan Yang Mungkin Menggemparkan Fikiran Orang Ramai

Yang mengandungi apa-apa berita, rencana atau informasi yang diperbesar-besarkan, digembar-gemburkan, atau yang mengelirukan dan menimbulkan salah faham, atau penyebaran berita-berita yang tidak berasas sehingga menimbulkan ketakutan, kegelisahan dan mengancam ketenteraman orang ramai.

e) Hasil Penerbitan Yang Berlawanan Dengan Mana-mana Undang-undang

Tafsiran Mengikut Akta Terjemahan 1967 seksyen 3 Bahagian 2, undang-undang adalah mengikut maksud yang termaktub di bawah Fasal 160 (2) Perlembagaan Persekutuan yang bermaksud:

- a) Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-negeri dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- b) Akta-akta Parlimen dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;
- c) Ordinan dan Enakmen (termasuk man-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri dan peraturan di bawahnya).

Tafsiran mengikut Perlembagaan Persekutuan Fasal 160 (2), undang-undang yang wujud adalah undang-undang yang berkuatkuasa dalam Persekutuan atau sebahagian darinya seketika sebelum hari merdeka:

- a) Undang-undang Persekutuan bermaksud mana-mana undang-

undang yang wujud yang mana Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang, sebagai yang berkuatkuasa di bawah Bahagian 13;

(b) Mana-mana Akta Parlimen

Undang-undang di bawah Fasal yang sama termasuklah undang-undang bertulis, *the common law* yang berkuatkuasa di dalam Persekutuan atau sebahagian darinya dan mana-mana adat resam atau kegunaannya yang mempunyai kekuatan undang-undang.

Berdasarkan tafsiran di atas, berlawanan dengan undang-undang di bawah Subseksyen (1) Seksyen 7 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (pindaan) 1987 bermaksud apa-apa hasil penerbitan yang isi kandungannya bercanggah atau bertentangan dengan undang-undang Persekutuan atau mana-mana Ordinan/Enakmen Negeri. Sebagai contoh, penerbitan agama Kristian berbahasa Melayu yang mengandungi istilah-istilah suci agama Islam adalah dilarang penyiarannya mengikut Enakmen Pentadbiran Hukum Islam/Kanun Janayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia.

f) Hasil Penerbitan Yang Memudaratkan Kepentingan Awam

Yang mengandungi apa-apa bentuk laporan atau kenyataan yang boleh menjelaskan keharmonian masyarakat Malaysia seperti:

- i) Berita yang mengelirukan orang ramai hingga menimbulkan kegelisahan dan keraguan orang awam.

- ii) Laporan berita sesuatu peristiwa yang diputarbelitkan dan dipalsukan sehingga memudaratkan kesejahteraan orang ramai.
- iii) Mengenengahkan dan memperbesarkan sesuatu isu sensitif yang boleh menyebabkan pertelingkahan dan prasangka antara kaum.

g) Hasil Penerbitan Yang Memudaratkan Kepentingan Negara

- i) Laporan, berita, dan kenyataan yang merugikan negara dari segi ekonomi, imej dan kewibawaan kerajaan yang memerintah.
- ii) Apa-apa bentuk hasutan berunsur subversif yang menentang dasar-dasar Kerajaan.
- iii) Bahan-bahan berita yang boleh memburukkan imej negara di mata dunia.
- iv) Isi kandungan yang menghasut dengan niat menyekat pembangunan negara.
- v) Hasil penerbitan yang mendedahkan rahsia kerajaan kepada orang atau negara asing.

4.6 SEPINTAS LALU MENGENAI PENERBITAN MAJALAH

Industri penerbitan majalah telah lama wujud selari dengan industri penerbitan buku. Ia merupakan satu bidang industri yang menguntungkan. Sebagai contoh: Di United Kingdom, pelancaran semula majalah Savvy pada 1979 telah berjaya menarik minat para pembaca dan penamaan semula majalah itu pada 1985 membuktikan bahawa majalah tersebut mempunyai bilangan pembaca yang

ramai.

Majalah merupakan bahan bacaan bersifat kekal dan tahan lama. Para pembaca sering bertukar majalah sesama mereka dan kebanyakannya daripada mereka memiliki sekurang-kurangnya beberapa buah majalah untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.

Majalah juga berbentuk fleksibel atau bersesuaian kerana pembaca boleh mendapatkannya di mana-mana sahaja mereka mahu dan membacanya bila-bila masa dirasakan. Ia juga merupakan daya penarik kepada pengiklan kerana membenarkan para pengiklan mengenalpasti sasaran audien mereka secara menyeluruh. Sesungguhnya industri ini merupakan satu bidang industri yang mempunyai prospek yang cerah di masa hadapan.

Untuk mengenalpasti apakah sebenarnya majalah merupakan satu perkara yang sukar. Kamus mendefinisikan majalah sebagai '*periodical publication usually with a paper cover, containing miscellaneous articles and often with illustrations or photographs.*'

Penerbitan majalah ini berkembang maju dan bilangan cetakannya juga tidak tetap kerana ia bergantung kepada sambutan majalah tersebut di kalangan para pembaca. Di United Kingdom, terdapat kemungkinan sekitar 12,000 hingga 14,000 jenis majalah yang diterbitkan di sana. Dan, bilangan ini selalu berubah-ubah.

Untuk mengklasifikasikan industri ini kepada kategori yang mudah difahami merupakan satu masalah. Oleh itu, ia dibahagikan kepada dua skima

organisasi. Skima organisasai pertama meletakkan majalah kepada lima kategori kandungan iaitu Majalah Pengguna, Majalah Penerbitan Perniagaan, Ulasan kesusasteraan dan Jurnal Akademik, Newsletter dan Majalah Perhubungan Awam.

Hamdan Adnan dan Rajib Abdul Ghani, dalam bukunya ‘Komunikasi Sebagai Profesional’ (1986) menyenaraikan jenis-jenis majalah iaitu hiburan, hal ehwal wanita-rumah tangga, seni dan kebudayaan, sastera, agama, komik, sains dan teknologi termasuk komputer, ekonomi dan perdagangan, perubatan-kesihatan dan sukan.

Manakala skima organisasi kedua pula membahagikan industri penerbitan majalah kepada tiga komponen pembuatan tradisi iaitu pengeluaran, pengedaran/pembahagian dan jualan runcit.

4.6.1 Majalah Pengguna

Majalah pengguna boleh didapati oleh sesiapa sahaja melalui langganan, penghantaran atau perolehan naskah percuma. Majalah ini selalunya diletakkan di rak-rak sudut bacaan atau kedai buku tempatan. Penerbitan ini dinamakan majalah pengguna kerana para pembaca boleh membeli dan mendapatkan barang atau perkhidmatan menerusi iklan-iklan yang tersiar di dalam majalah tersebut. Antara majalah pengguna yang dikenali ramai ialah majalah *People*, *Time*, *Reader's Digest*, *Newsweek*, *Sports Illustrated* dan *Playboy*. Manakala majalah *Wanita*, *Perempuan*, *Jelita*, *Keluarga*, *Mingguan Wanita*, *Anis*, *Asuh*, dan *Nonu* termasuk juga dalam kategori majalah pengguna terbitan tempatan.

4.6.2 Majalah / Penerbitan Perniagaan

Majalah perniagaan atau penerbitan perdagangan melibatkan perniagaan tertentu, industri atau alam pekerjaan. Majalah ini tidak dijual di sudut-sudut bacaan dan pembacanya terhad kepada mereka yang terlibat dengan pekerjaan atau perniagaan sahaja. Barang yang diiklankan di dalam majalah ini selalunya merupakan barang yang diperolehi dari organisasi atau pekerjaan.

Business Publication Rates and Data, menyenaraikan hampir 4,000 tajuk majalah perniagaan yang berbeza-beza. Kebanyakan majalah ini diterbitkan oleh syarikat sendirian berhad yang tiada kaitan dengan bidang yang mereka ceburi. Sebagai contoh: McGraw – Hill dan Penton merupakan dua syarikat penerbitan persendirian yang menerbitkan majalah perniagaan dalam pelbagai bidang. Majalah penerbitan lain yang dikeluarkan oleh organisaasi profesional yang menerbitkan majalah sebagai perkhidmatan kepada ahli-ahlinya.

Terdapat sebahagian perniagaan penerbitan yang dipanggil vertical kerana mereka merangkumi semua aspek dalam satu bidang sahaja seperti majalah *Pulp* and *Paper*. Manakala penerbitan lain digelar horizontal kerana mereka berurusan dengan perniagaan tertentu tidak kira apa jenis perniagaan atau industri itu wujud seperti majalah Human Resource Executive.

4.6.3 Ulasan Kesusasteraan dan Jurnal Akademik

Beratus-ratus majalah kesusasteraan dan jurnal akademik, biasanya dengan kiraan kurang 10,000 adalah diterbitkan oleh organisasi yang kurang mengaut keuntungan dan dibiayai oleh universiti, yayasan atau organisasi profesional.

Mereka boleh mengeluarkan lebih kurang empat isu setahun dan kebanyakannya tidak menyiaran sebarang iklan di dalamnya. Penerbitan ini merangkumi bidang kesusasteraan dan akademik termasuk jurnal-jurnal seperti *The Kenyon Review*, *Theatre Design and Technology*, *European Urology*, *Journalism Quarterly*, *Poultry and Egg Marketing* dan *The Journal of Japanese Botany*.